



17-22 SEPTEMBER 2018  
KUALA LUMPUR CONVENTION CENTRE  
KUALA LUMPUR, MALAYSIA  
[www.cepsi2018kl.org](http://www.cepsi2018kl.org)



## SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2018/06/42 (HQ)

### 9,000 WARGA KERJA TNB BERTUGAS SYAWAL INI

Seramai 9,000 warga kerja Tenaga Nasional Berhad (TNB) akan bertugas secara tunggu sedia 24 jam bermula Khamis ini, bagi memastikan bekalan elektrik dapat terus dinikmati pengguna demi keselesaan mereka menyambut Aidilfitri.

Pelbagai persiapan awal telah pun dilaksanakan oleh TNB bagi meminimumkan kemungkinan berlakunya sebarang gangguan bekalan elektrik pada Syawal nanti.

Pemeriksaan dijalankan di semua stesen janakuasa dan pencawangnya dan di sesetengah tempat, TNB menambah baik sistem pencawangnya bagi menampung jangkaan beban yang meningkat di kawasan berkenaan.

Lebih 108 set janakuasa bergerak (mobile genset) disediakan, untuk digunakan sebagai punca bekalan alternatif, sekiranya diperlukan.

Sehubungan itu permohonan untuk menggunakan kenderaan berat sudah dikemukakan kepada JPJ negeri bagi membolehkan kenderaan TNB menggunakan lebuh raya dalam tempoh larangan sepanjang musim perayaan ini.

Orang ramai dinasihatkan untuk menghubungi Pusat Perkhidmatan Pelanggan TNB di talian 15454 atau Facebook TNB CareLine untuk mendapatkan bantuan, sekiranya berlaku gangguan bekalan elektrik.

Sebagai menghargai pengorbanan warga kerja yang bertugas pada 1 Syawal nanti, TNB membekalkan mereka dengan bingkisan kuih raya yang disediakan oleh Pelitawanis TNB.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 14 Jun 2018, jam 10.00 pagi**

*Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi Nor Hanim Idris di talian 019-2617617  
atau E-mel ke [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*